

KEMAHIRAN MENGGUNTING DALAM KALANGAN MURID PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN DENGAN MENGGUNAKAN *FOCUS CUTTER*

Afid Ainzat bin Suhaimi
Sekolah Kebangsaan Bukit Serok
afidainzat.edu@gmail.com

ABSTRAK

Focus Cutter merupakan alat intervensi yang direka khas untuk murid Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran. Focus Cutter ialah gunting yang direka khas dengan lampu isyarat dan kanta pembesar. Alat ini direka untuk kumpulan murid yang sukar memegang gunting dan menggunting dengan kemas. Kemahiran memegang dan kekemasan menggunting merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh setiap murid kerana melibatkan kemahiran motor halus. Oleh itu, guru perlu kreatif dalam mengubah suai alat dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid. Segala bukti awal dikumpul melalui pemerhatian dan analisis dokumen. Melalui dapatan didapati penggunaan Focus Cutter dapat meningkatkan kemahiran memegang dan tahap kekemasan menggunting. Dengan bantuan kanta pembesar dan lampu isyarat murid dapat menggunakan gunting dengan lebih baik berbanding sebelum ini. Ini menunjukkan Focus Cutter berupaya membantu meningkatkan kemahiran memegang dan kekemasan menggunting semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan di bilik darjah. Murid lebih seronok dan bertambah yakin. Sebagai cadangan seterusnya Focus Cutter ini boleh digunakan untuk kanak-kanak normal dan murid prasekolah yang belum menguasai kemahiran menggunting.

Kata kunci: *Focus Cutter, kekemasan, kemahiran menggunting*

PENGENALAN

Pendidikan Khas merupakan salah satu dasar kerajaan dalam merealisasikan hak-hak kanak-kanak kelainan upaya. Sistem pendidikan khas dengan sistem pendidikan arus perdana jauh berbeza kerana sistem tersebut telah diselaraskan dengan tahap keupayaan murid berkeperluan khas. Menurut Ab Rahman (2021), "Pendidikan khas adalah pengajaran yang direka bentuk bagi memenuhi keperluan pendidikan murid dengan keperluan khas" (ms. 1). Menurut Yahya, W., (2021), terdapat kelas pendidikan khas cacat pendengaran, cacat penglihatan dan pendidikan pemulihan khas bagi kanak – kanak bermasalah pembelajaran di Malaysia. Keupayaan murid untuk melakukan kemahiran manipulatif dengan baik masih berada pada tahap yang rendah. Hal ini dapat dilihat dalam kalangan murid berkeperluan khas yang memerlukan bantuan daripada

orang lain dalam aspek kemahiran manipulatif. Murid – murid ini tidak dapat melakukan kemahiran manipulatif seperti memegang pencil, membutang baju, memegang sudu, memerah pakaian dan menguli doh. Murid – murid berkeperluan khas ini perlu diajar tentang kemahiran manipulatif dengan sendiri agar mereka tidak terlalu bergantung terhadap orang lain pada masa hadapan.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Sharif (2021), Kemahiran menggunting adalah sokongan kepada kemahiran menulis dan kemahiran-kemahiran bilateral pergerakan motor yang lain. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran menggunting kanak-kanak dengan menggunakan kaedah tunjuk cara dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) tunjang perkembangan fizikal dan estetika. Kajian ini dijalankan di Program Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Sekolah Kebangsaan Bukit Serok di daerah Rompin. Sekolah ini mempunyai murid seramai 209 orang. Sekolah ini mempunyai murid Pendidikan Khas dengan jumlah murid seramai 16. Terdapat 2 kelas Pendidikan Khas dengan jumlah guru seramai 2 dan terdapat 1 Pembantu Pengurusan Murid (PPM). Terdapat pelbagai jenis masalah yang dihadapi oleh murid iaitu “Slow Learner”, ADHD, lewat perkembangan, dan Down Syndrome.

Saya telah menjalankan kajian tindakan dengan tujuan membaiki amalan pengajaran saya. Berdasarkan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), dan data awal yang dibuat, saya mendapati masalah dalam mengajar kemahiran motor halus murid. Perkembangan kemahiran motor banyak bergantung kepada perkembangan otak, keseimbangan badan dan peningkatan koordinasi mata-tangan kanak-kanak (MALAY, L. P. I. 2019).

Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran


Berdasarkan kepada pengalaman dan pemerhatian saya semasa menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), saya mendapati amalan PdP yang saya jalankan tidak berjaya mencapai objektif pengajaran. Antara PdP kemahiran manipulatif yang telah saya jalankan ialah kemahiran memegang sudu, kemahiran menjahit, kemahiran menulis dan kemahiran menggunting. Kesemua kemahiran manipulatif yang telah saya ajarkan tidak mencapai hasil pembelajaran yang menyeluruh.

Oleh yang demikian, saya menyedari bahawa saya tidak dapat menghasilkan bahan bantu mengajar dan alat bantu mengajar yang bersesuaian dengan kebolehan murid. Hal ini dibuktikan dengan tindak balas murid terhadap bahan bantu mengajar iaitu

“Cikgu susah la nak guna gunting ini, saya tak boleh pegang dan melihat garisan dengan jelas”.

Oleh sebab itu, pengubahsuaian alat bantu mengajar dan bahan bantu mengajar (BBM) perlulah mempunyai kesesuaian dengan kebolehan murid. Menurut BuyONG (2018), dalam bab elemen Pengajaran dan Pembelajaran telah menekankan kepentingan amalan pembelajaran yang menyeronokkan dalam kalangan guru di sekolah.

Saya menyedari bahawa tanggapan saya terhadap murid dalam kebolehan menggunting adalah tidak tepat. Hal ini kerana saya tidak memberikan penekanan terhadap kemahiran menggunting semasa PdP yang melibatkan kemahiran menggunting, saya melihat murid seakan-akan boleh memegang gunting. Namun, berdasarkan hasil kerja murid dalam beberapa aktiviti yang dijalankan, saya mendapati murid tidak pandai menggunting garisan dengan kemas dan lurus kerana mereka tidak mampu mengawal pergerakan mata dan tangan yang memberi tumpuan ketika menggunting. Berdasarkan pengumpulan data awal yang telah saya jalankan, saya mengambil tindakan untuk mencipta inovasi bahan bantu mengajar yang lebih efektif dan berteknologi bagi mengurangkan masalah kurang daya tumpuan dan pengamatan. Hal demikian dapat meningkatkan kemahiran motor halus murid dalam kemahiran menggunting. Bahan bantu mengajar tersebut merupakan penggabungjalinan daripada kanta cembung yang dinamakan sebagai *Focus Cutter*.



Gambar 1: Hasil kerja murid



Gambar 2: Murid sedang menggunting

FOKUS KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berfokus untuk menambah baik amalan PdP saya untuk mengajar murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dalam menguasai kemahiran menggunting menggunakan alat inovasi *Focus Cutter*. Dalam kajian ini saya memfokuskan subtopik Kemahiran Manipulatif silibus mata pelajaran Pengurusan Kehidupan tahun 3.

Huraian Fokus Kajian

Menurut Hisham (2021), motor halus merupakan kegiatan yang menggunakan otot-otot halus pada jari dan tangan serta tidak memerlukan banyak tenaga. Kemahiran menggunting melibatkan pergerakan motor halus dan koordinasi mata.

2.1.1 Kebolehtadbiran

Aspek kebolehtadbiran memperlihatkan bahawa kajian ini boleh dijalankan kerana murid dapat memahami arahan yang guru berikan, murid sentiasa hadir diri ke sekolah kecuali jika menghadapi masalah kesihatan.

2.1.2 Kepentingan

Kemahiran menggunting juga merupakan salah satu kemahiran yang perlu diajar kepada murid-murid ini seperti yang telah terkandung dalam Dokumen Standard KSSR pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Pengurusan Kehidupan komponen Kemahiran Manipulatif.

Jadual 1

Dokumen Standard KSSR pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Pengurusan Kehidupan komponen Kemahiran Manipulatif

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
Motor Halus	2.2 Melakukan kemahiran asas motor halus melalui aktiviti harian	2.2.1 Menggunting kertas mengikut bentuk atau corak secara berpandu

Kolaboratif

Saya telah mendapat kerjasama dengan pihak pentadbir sekolah sepanjang menjalankan tindakan ini. Terdapat kerjasama dari pada pelbagai pihak seperti penyelararas pendidikan khas, guru pendidikan khas, pembantu pengurusan murid, guru SK Bukit Serok, murid dan ibu bapa.

Tindakan

Berdasarkan model Kurt Lewin ini, saya telah merancang aktiviti untuk kajian tindakan yang saya jalankan ini. Perancangan aktiviti merangkumi beberapa langkah yang perlu murid lakukan supaya murid saya dapat menggunting dengan betul dan kemas. Setelah saya membuat perancangan, saya menjalankan tindakan yang telah saya rancang. Semasa melakukan tindakan, saya memerhatikan keberkesanan tindakan murid menggunakan intervensi *Focus Cutter* dalam aktiviti yang dirancang. *Focus Cutter* merupakan inovasi terhadap gunting dengan menambahkan ciri-ciri yang membantu memudahkan murid untuk menggunting. Rujuk rajah 3 dan rajah 4 tentang ciri-ciri *Focus Cutter*.



Gambar 3 dan 4. Alat intervensi *Focus Cutter*

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Menambahbaik amalan pengajaran bagi kemahiran menggunting dalam kalangan murid Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran dengan menggunakan *Focus Cutter*

Soalan Kajian

Bagaimana menambahbaik amalan pengajaran bagi kemahiran menggunting dengan menggunakan *Focus Cutter* dalam kalangan murid Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran?.

KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan satu orang murid PPKI yang berumur 12 tahun dari Sekolah Kebangsaan Bukit Serok yang terdiri daripada murid lelaki. Pemilihan murid ini melalui pemerhatian dan analisis dokumen lembaran kerja murid. Saya dapati murid ini merupakan kanak-kanak *slow learner*. Semasa PdP yang dijalankan, saya mendapati murid ini tidak fokus dalam Pengajaran dan Pembelajaran PdP dan suka ganggu rakannya.

Selain itu, saya mendapati bahawa murid ini mudah didekati dan mesra. Walau bagaimanapun, murid ini mudah memahami arahan guru. Hal ini menjadikan saya yakin bahawa murid ini boleh dikaji dan saya dapat mengubah amalan PdP saya.

Jadual 5

Ciri – ciri peserta kajian

Peserta kajian	Jantina	Jenis masalah	Kelas	Ciri – ciri
Murid A	Lelaki	<i>Slow learner</i> dan penguasaan kemahiran motor halus yang lemah	PPKI 6 Naim	Sukar memberi perhatian, mesra, suka ganggu rakan, banyak berinteraksi bersama rakan, masalah dalam menggantung.

METODOLOGI KAJIAN

Langkah – langkah Tindakan

Menurut Jilon (2021), kajian tindakan ialah satu bentuk refleksi sendiri melalui aktiviti inkuiri bagi memperbaiki dan memahami amalan serta situasi sosial.

Langkah – langkah Pelaksanaan aktiviti 1:

- i. Guru menunjukkan *Focus Cutter* dan menerangkan manual penggunaan.
- ii. Guru mengedarkan kertas yang mempunyai bentuk separuh bulat.
- iii. Murid diminta melihat objek dan garisan tersebut menggunakan *Focus Cutter* dengan betul.

Langkah – langkah Pelaksanaan aktiviti 2:

- i. Guru memberikan *Focus Cutter* dan lembaran kerja yang mempunyai bentuk bulat.
- ii. Murid diminta untuk memerhatikan garisan pada kanta fokus dan menekan butang suiz untuk menyalakan lampu hijau pemula.
- iii. Murid diminta menggantung bentuk yang terdapat pada kertas

Langkah – langkah Pelaksanaan aktiviti 3:

- i. Guru mengedar lembaran kerja yang mempunyai gambar buah berbetuk bulat.
- ii. Murid menggunakan gunting *Focus Cutter* untuk menggunting buah tersebut.
- iii. Murid perlu mematuhi manual penggunaan *Focus Cutter*.
- iv. Murid melakukan aktiviti menggunting tanpa bantuan guru.

Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data yang telah digunakan adalah pemerhatian, analisis tugas dan amali kerja.

Jadual 7

Kaedah pengumpulan data

KAEDAH PENGUMPULAN DATA	INSTRUMEN	MASA DIJALANKAN	CARA ANALISIS DATA
1. Pemerhatian	Senarai semak, rubrik pemarkahan	Semasa aktiviti satu, dua dan tiga dijalankan	Deskriptif, Rubrik penilaian
2. Analisis Tugas	Borang senarai semak analisis tugas	Semasa aktiviti dua dan tiga dijalankan	Deskriptif, Markah
3. Temu Bual	Senarai semak Temu Bual	Selepas semua aktiviti dijalankan	Transkrip Naratif

Cara Menyemak Data

Menurut Mariyani (2020), triangulasi ialah satu proses untuk mendapat data daripada pelbagai kaedah dan individu dan merupakan salah satu kaedah yang boleh meningkatkan kebolehpercayaan sesuatu penyelidikan kualitatif. Penggunaan kaedah yang berbeza ini membolehkan saya meningkatkan kesahan dan kredibiliti data kerana saya mengaplikasikan kombinasi beberapa kaedah penyelidikan untuk mengkaji masalah yang sama.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Dapatan Pemerhatian

Pemerhatian telah dijalankan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Pemerhatian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan borang senarai semak pemerhatian. Penggunaan senarai semak pemerhatian ini dihuraikan berdasarkan aktiviti satu yang dilakukan dalam

meningkatkan kemahiran mengunting dengan kemas. Sebelum saya meminta murid membuat aktiviti ini, saya telah membimbing dan memberi tunjuk ajar cara penggunaan gunting dengan betul.

Jadual 8

Jumlah skor dapatan pemerhatian bagi setiap aktiviti dengan menggunakan senarai semak pemerhatian

Aktiviti	Dapatan Pemerhatian (Skor)			Jumlah (Skor)
	Ulangan 1	Ulangan 2	Ulangan 3	
Aktiviti 1	1/9	3/9	8/9	11/27
Aktiviti 2	3/9	6/9	9/9	18/27
Aktiviti 3	8/9	8/9	9/9	25/27

Dapatan Analisis Tugas

Dalam kajian ini, saya telah mengumpul data analisis tugas dengan menggunakan borang pemarkahan. Data analisis tugas dihuraikan berdasarkan dua aktiviti iaitu aktiviti dua dan aktiviti tiga. Penilaian dilakukan berdasarkan markah yang terdapat dalam tugas tersebut. Aktiviti ini juga telah dijalankan sebanyak tiga kali ulangan. Hal ini bertujuan untuk melihat murid supaya murid dapat memahami penggunaan alat intervensi *Focus Cutter* dan dapat menghasilkan kerja yang lebih baik. Sebelum saya meminta murid membuat aktiviti ini, saya telah membimbing dan menunjukkan cara yang betul kepada murid.

Jadual 9

Jumlah markah tugas satu dan tugas dua bagi dapatan analisis tugas menggunakan borang pemarkahan

Aktiviti	Markah		Jumlah Markah
	Ulangan 1	Ulangan 2	
Aktiviti 1	7/10	9/10	16/20
Aktiviti 2	9/10	10/10	19/20

Analisis Dapatan Temubual

Sepanjang pelaksanaan kajian penyelidikan tindakan ini, saya telah menggunakan kaedah pengumpulan data temu bual. Selesai sahaja peserta kajian melakukan ketiga-tiga aktiviti berkenaan, saya telah mengadakan temu bual dengan peserta kajian. Kaedah ini juga telah membantu saya untuk mengetahui pandangan murid terhadap penggunaan alat intervensi *Focus Cutter* untuk aktiviti-aktiviti kajian penyelidikan tindakan ini, iaitu Aktiviti 1 (Menggunting Separuh Bulat Pada

Kertas), Aktiviti 2 (Menggunting Objek Bulat Pada Kertas) dan Aktiviti 3 (Menggunting Buah Berbentuk Bulat Pada Kertas).

6.3.1 Analisis Dapatan Temu Bual Soalan Satu

Soalan pertama ialah saya telah bertanya kepada murid tentang perasaannya ketika menggunakan alat intervensi *Focus Cutter*. Murid telah menyatakan bahawa dia berasa mudah ketika menggunakan alat intervensi *Focus Cutter* bagi ketiga-tiga aktiviti. Murid telah memberikan jawapan seperti berikut:

Murid: Saya suka cikgu!

Berdasarkan jawapan murid tersebut, saya mendapati bahawa murid berasa mudah semasa menggunakan alat intervensi *Focus Cutter* dalam ketiga-tiga aktiviti berkenaan. Murid dapat melihat garisan dengan lebih jelas dalam kanta fokus dan terdapat unsur lampu isyarat yang dapat mengawal murid untuk berhati – hati ketika menggunting. Oleh sebab itu, murid suka dengan alat intervensi *Focus Cutter*.

6.3.2 Analisis Dapatan Temu Bual Soalan Tiga

Saya telah bertanya kepada murid sama ada alat intervensi *Focus Cutter* dapat meningkatkan kekemasan dalam menggunting. Pertanyaan tersebut merupakan soalan ketiga dalam kaedah pengumpulan data temu bual bagi melaksanakan proses kajian penyelidikan tindakan alat intervensi *Focus Cutter*. Berikut ialah jawapan murid terhadap soalan berkenaan:

Murid: Ya Cikgu, saya dapat lihat garisan dengan jelas dan kerja yang saya buat lebih kemas.

Jelaslah di sini bahawa murid boleh lihat garisan dengan jelas pada kanta fokus dan boleh menggunting dengan kemas. Jawapan yang telah diberikan ini telah menyelesaikan objektif kajian dan soalan kajian yang saya tetapkan. Alat intervensi *Focus Cutter* dapat meningkatkan kekemasan dalam menggunting dan memudahkan murid semasa menggunakannya. Dengan ini, saya tidak risau lagi apabila mengajar menggunting kepada murid tersebut kerana dia sudah dapat menghasilkan hasil kerja yang kemas.

KESIMPULAN

Saya berasa gembira kerana berjaya menghasilkan satu alat *Focus Cutter* yang dapat membantu murid yang mengalami motor halus dalam menggunting untuk menggunting dengan kemas. Berdasarkan dapatan melalui analisis pemerhati, analisis tugas, dan temu bual, saya mendapati bahawa keberkesanan pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada langkah intervensi dan tindakan yang dirancang

dengan sistematik.

Di samping itu, alat dan bahan yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran juga memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kekemasan murid semasa menggunting. Hal ini kerana alat dan bahan yang menarik berupaya melicinkan penyampaian pengajaran guru serta memberi keberkesanan dalam pembelajaran murid. Hal ini selari dengan Ramlee (2022) yang menyatakan bahawa perkembangan kemahiran motor banyak bergantung kepada perkembangan otak, keseimbangan badan dan peningkatan koordinasi mata dan tangan kanak – kanak. Justeru, saya mendapati bahawa alat intervensi yang saya gunakan iaitu *Focus Cutter* telah memberikan kesan yang positif dalam kajian yang dilaksanakan.

CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, penggunaan alat intervensi *Focus Cutter* telah berjaya meningkatkan kekemasan menggunting dalam kalangan murid. Murid telah menunjukkan hasil kerja yang kemas dalam menggunting. Impak positif tindakan ini boleh diperluaskan kepada pelbagai kelompok yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan lagi keberkesanan penggunaan *Focus Cutter*.

Antara penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan keberkesanan *Focus Cutter* ialah menambahkan unsur bunyi pada gunting. Selain itu, untuk menarik perhatian murid bagi menggunting menggunakan *Focus Cutter*, pemilihan warna yang menarik untuk pemegang gunting juga akan diberikan perhatian. Menurut *Integrated Therapy Service, Somerset Partnership NHS Foundation trust* (2012), langkah pertama untuk mengajar kemahiran menggunting dengan kemas ialah dengan membuat murid tertarik untuk menggunakan gunting. Seterusnya, saya dapat melakukan penambahbaikan dari segi penambahan penggunaan alat pengesan garisan iaitu *line detector*. Penambahan alat ini adalah bertujuan untuk memudahkan murid dalam menggunakan gunting dan sekaligus dapat meningkatkan kekemasan menggunting. *Line Detector* ini adalah alat pengesan garisan semasa menggunting, jika murid terpesong dari garisan yang digunting maka alat tersebut akan berbunyi. Dengan cara ini, tahap kekemasan hasil kerja murid dalam menggunting lebih kemas dan terkawal dengan adanya *Line detector*.

RUJUKAN

- Ab Rahman, A., Shamsudin, S. S. S., Nozlan, N. N., Shakor, M. F. A., & Sukari, A. (2021). Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU). *Masalah Pembelajaran Di Malaysia: Pandemic COVID-19: Challenges of Teaching and Learning (PDP) Islamic Education in Special Education for Students with Learning Disabilities in Malaysia. Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 127-138.
- Ahmad M.S. (2010). *Mengurus Kanak – Kanak Yang Susah Belajar Edisi ke – 10*. Batu caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Alfansyur, A., & Mariyani, M. (2020). Seni mengelola data: Penerapan triangulasi teknik, sumber dan waktu pada penelitian pendidikan sosial. *Historis: Jurnal Kajian, Penelitian dan Pengembangan Pendidikan Sejarah*, 5(2), 146-150.
- Buyong, N., & Othman, N. (2018). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam program sekolah dalam hospital. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 11-16.
- Chow Fook Meng dan jaizah Mahmud. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep Dan Amalan Pengajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Chong Lean Keow. (2012). *Peserta kajian dan alam belajar Edisi Ke-2*. Subang Jaya Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Gallahue, D. L., & Donnelly, F. C. (2003). *Developmental Physical Education for All Children (4th ed.)*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Hisham, H. H., Yunus, F., & Halim, L. (2021). Perkembangan Fizikal Motor Halus Kanak-Kanak Di Taska Menggunakan Busyboard. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 495-511.
- Jabatan Pendidikan Khas. (2008). *Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jilon, M., & Omar, H. M. (2021). Emansipasi Guru Sekolah Menengah Dalam Pengurusan Pengajaran Di Bilik Darjah Melalui Kajian Tindakan.
- Kartina Abdul Mutalib, Ahamad Shabudin Yahaya, Rosli Sahat dan Badrul Hisham Alang Osman. (2012). *Menguasai penyelidikan tindakan: untuk pismp dan dpli*. Ipoh: Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.

- Malay, L. P. I. (2019). Kaedah Belajar Melalui Bermain Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Terhadap Murid-Murid Bermasalah Pembelajaran. *Affirmation of The Identity of Special Education Science to Support The Implementation of Inclusive Education*, 713.
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cetakan Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad. (2011). *Kaedah dan strategi Pengajaran Kanak-kanak Berkeperluan Khas*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia Press.
- Ramlee, L. S. A., Rozali, M. Z., & Yunus, F. A. N. (2022). Perkembangan Motor Kasar Murid Tahun Satu Sekolah Rendah. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3(1), 19-23.
- Sharif, M. H. M., Azid, M. N. C., & Kharuddin, W. A. N. W. (2021). Penerapan Kaedah Tunjuk Cara Dalam Aktiviti Fizikal dan Estetika untuk Meningkatkan Kemahiran Menggunting Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 10(2), 85-102.
- Yahya, W., Ziming, K., Juan, W., Al-Nehari, M., Tengyu, L., Qichao, R., & Alhayani, B. (2021). Study the influence of using guide vanes blades on the performance of cross-flow wind turbine. *Applied Nanoscience*, 1-10.